

CNS7421

U GE 14-12 00386 BA969

aab

GALAKAN UNTUK PENGGUNAAN GAS ASLI BAGI KENDERAAN

Mahathir - Kenderaan

SEGAMAT, 14 Dis (Bernama) -- Kerajaan bersetuju menetapkan harga jualan gas asli bagi kenderaan (NGV) pada kadar separuh daripada harga minyak sebagai insentif kepada penggunaannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata gas asli adalah lebih selamat dan lebih berkesan daripada petrol selain membantu mengurangkan pencemaran udara.

PETRONAS akan melancarkan rancangan untuk menggalakkan penggunaan gas asli bagi kenderaan sebagai gantian kepada petrol dan diesel, katanya ketika merasmikan Sistem Penggunaan Gas Semenanjung Peringkat II di sini.

+Kenderaan-kenderaan yang boleh menggunakan bahan bakar ini termasuklah kenderaan berkumpulan, teksi, bas dan kenderaan pengangkutan barang,+ katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan akan juga **menganhil** langkah-langkah untuk **ti** dak menggalakkan penggunaan petrol berplumbum termasuk menghentikan import kereta yang boleh atau perlu menggunakan petrol yang mempunyai plumbum.

Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Pengerusi PETRONAS, Tan Sri Rasir Ismail hadir pada majlis itu. -- Lagi

♥14/12/13-05MST

U GE 14-12 00151 BA970

aab

Mahathir - Kenderaan 2 Segamat

Datuk Seri Dr Mahathir **ti** r' gembali **ra** kerana heberapa syarikat minyak termasuk PETRONAS telah menganhil daya inisiatif sendiri memperkenalkan petrol tanpa plumbum.

Kerajaan telah mengumumkan penurunan duti eksais dan duti import bagi petrol tanpa plumbum mulai tahun ini dalam belanjawan negara yang dibentangkan baru-baru ini, katanya.

Beliau berkata, kerajaan telah **menganbil** 1. keputusan untuk mengawal pencemaran udara akibat asap kenderaan dengan mengurangkan kandungan plumbum dalam petrol daripada **0.4 gram** seliter kepada **0.15 gram** seliter mulai tahun lepas.

+Keadaan jerebu yang serius baru-baru ini, selain berpunca daripada kebakaran hutan di negara jiran, diburukkan lagi oleh pencemaran asap kenderaan,+ katanya.

Pembangunan pesat yang berlaku sekarang menyebabkan jumlah kenderaan bermotor khususnya di bandar-bandar bertambah dan mengakibatkan kadar pencemaran udara juga meningkat, katanya.

+Dari pada jumlah kenderaan baru yang dikeluarkan, hampir 75 peratus tertumpu di Lembah Klang,+ katanya. -- lagi

♥14/12/13-09MST

aab

Mahatbir - Kenderaan 3 (akhir) Segamat

Perdana Menteri berkata sebuah syarikat usahasama membekalkan gas ke rumah-rumah dan industri di seluruh negara telah ditubuhkan untuk memperluaskan penggunaan gas di negara ini.

Langkah itu akan mewujudkan pilihan bagi sumber tenaga dan bahan bakar di samping mengurangkan penggunaan minyak bahan bakar dan diesel oleh kilang-kilang yang sekaligus dapat mengurangkan pencemaran.

Malaysia berusaha untuk membangunkan ekonomi negara ke arah perindustrian, mahu tidak mahu kita akan berhadapan dengan masalah pemulihan alam sekitar, katanya.

Sebagai negara yang bertanggungjawab, Malaysia memberi perhatian berat kepada masalah itu, katanya dan merujuk kepada deklarasi Langkawi mengenai alam sekitar jelas menunjukkan keperihatinan negara kepada masalah itu.

Malaysia ini penggunaan gas asli yang lebih bersahabat kepada alam sekitar menggantikan bahan bakar fosil yang lain sebagai bahan bakar bagi sektor penjana kuasa dan industri dapat membantu mengurangkan pencemaran udara, katanya. -- Bernama

14/12/13-15MST